



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892181

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/53-5 (24)

Tarikh : 12 Disember 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### URUSAN PERSEDEIAAN PEMANGKUAN SETIAUSAHA PEJABAT (SP) GRED N36 KE GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan Setiausaha Pejabat (SP) Gred N40 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat SP Gred N36 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat ke Gred N36 pada 1 Julai 2010 dan sebelum;
- 2.2 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 2 Julai 2010 dan seterusnya;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017) tidak kurang 80%;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.5 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

2/...

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam

*Driving Transformation In The Public Service*



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR-4697

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 8 Januari 2019** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p. : Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2** sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nor Haslina binti Ibrahim - 03-8885 4311  
[\(haslina.ibrahim@jpa.gov.my\)](mailto:haslina.ibrahim@jpa.gov.my)
- ii. Tuan Nur Shuhada binti Tuan Abdullah - 03-8885 4161  
[\(shuhada.abdullah@jpa.gov.my\)](mailto:shuhada.abdullah@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

■ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my